

# Kajian disimpan punca pertanian ketinggalan

Oleh AZMAN ISMAIL

SERDANG 17 Julai \_ Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, bidang sains dan teknologi pertanian di negara ini masih ketinggalan kerana hasil-hasil kajian tidak dikomersial dan diperniagakan.

Menurutnya, meskipun banyak penelitian dibuat dalam bidang tersebut, penemuan kajian tidak dikembangkan untuk meningkatkan kualiti serta kuantiti produk pertanian negara.

Katanya, hasil kajian oieh pakar-pakar pertanian tempatan lebih cenderung dibukukan atau disimpan berbanding diterapkan dalam bidang penanaman, pemrosesan, pengawetan serta pemasaran.

"Untuk perdagangan kajian skala yang berdayamaju secara komersial perlu dibuktikan. Ia memerlukan kajian jika tidak secara praktis, sekurang-kurangnya secara virtual.

"Bukanlah sesuatu yang mustahii jika pertanian dikembangkan sebagai sumbangan besar kepada ekonomi negara. Untuk ini, peningkatan sumbangan sains pertanian dalam semua jurusan perlu diadakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains oieh Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena Konvokesyen ke-28 universiti itu, di sini hari ini.

Penganugerahan itu merupakan

yang ke-45 dibuat oleh UPM kepada tokoh-tokoh yang memberi sumbangan besar dalam pelbagai bidang termasuk sains, pertanian dan persuratan.

Anugerah tersebut disampaikan oieh Canselor UPM, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Antara tokoh yang pernah menerima Ijazah Doktor kehormat universiti tersebut ialah bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Hussein Onn dan bekas Presiden Peru, Alberto Fujimori.

Seramai 4,091 graduan akan menerima ijazah termasuk 32 orang penerima Ijazah Doktor Falsafah, 381 Sarjana, 3,013 Ijazah Pertama dan 665 Diploma.

Menurut Dr. Mahathir, ahii-ahh akademik dan pelbagai pihak perlu melihat pengajinn sains pertanian sebagai bidang yang tidak kurang penting berbanding dengan teknologi maklumat (IT).

"Tngatlah tamadun dunia terawal yang bermula di lembah-lembah sungai seperti Nil, Tigris, Euphrates, Indus, Ganges, Yangtze dan Huang Ho diasaskan oieh pertanian.

"Tidak mustahii jika tamadun baru bagi Malaysia juga diasaskan kepada kecanggihan pertanian tetapi yang berasaskan sains dan teknologi yang terbaik," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, perkembangan sains dan bidang



**DR. MAHATHIR** Mohamad menerima Ijazah Doktor Kehormat Sains daripada Sultan Sharafuddin Idris Shah di majlis Konvokesyen ke-28 UPM di Serdang, semalam.

pertanian tidak boleh dipisahkan kerana perubahan dalam bidang sangat perlu untuk meningkatkan produk selaras dengan peningkatan manusia.

Beliau turut mengkritik pandangan sempit sesetengah masyarakat negara ini yang menganggap ilmu sains sebagai fahaman sekular yang akan

melemahkan akidah dan pemahaman Islam.

"Hanya mereka yang tidak faham tentang sains dan mempunyai pengetahuan Islam yang sempit akan menganggap ilmu sains akan mengahakis kepercayaan kepada agama" tambah beliau.